

POLISI DAN KOD AMALAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN PASCA SISWAZAH

SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH (SPS)

2018

Polisi dan Prosedur

Nama Polisi: **Polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah**

Nombor Polisi: UTM.P.A 05

Diluluskan <Senat UTM Bil 07/2017/2018>

Oleh: 21 Mac 2018

Tarikh Kuat Berdasarkan tarikh kelulusan Senat UTM
kuasa:

Semakan Terakhir: 7 Mac 2018 (next review to be within three years of this date)

SEKSYEN 1 - PENGENALAN

1.1 TUJUAN

UTM adalah komited dalam menyediakan program pengajian siswazah yang berkualiti, inovatif dan relevan dengan keperluan pembangunan negara dan globalisasi.

Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan (*Research University*), UTM memberikan penumpuan yang besar ke atas Program Pengajian Siswazah (PPS) di samping aktiviti penyelidikan.

Polisi dan Kod Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah ini disediakan untuk memberikan garis panduan kepada staf dan pelajar siswazah Universiti dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka berhubung dengan PPS.

Polisi ini juga digunakan oleh Universiti untuk tujuan peningkatan dan pengawalan keberkesanan dan standard program pengajian siswazah yang ditawarkan melalui amalan jaminan kualiti seperti yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*) (MQF) dan juga Amalan Jaminan Kualiti, Institusi Pengajian Tinggi di samping, jika berkaitan, memenuhi keperluan akreditasi badan profesional yang berkenaan.

1.2 SKOP

Polisi dan Kod Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah ini disediakan sebagai panduan bagi staf pengajian siswazah, staf sokongan dan pelajar siswazah yang mengikuti program pengajian siswazah di peringkat kedoktoran, sarjana, diploma lepas- ijazah dan sijil lepas-ijazah di Universiti ini.

Polisi ini meliputi lima belas aspek PPS yang dilaksanakan di Universiti iaitu:

- 1.2.1 Amalan Jaminan Kualiti
- 1.2.2 Pembangunan, Reka bentuk dan Semakan Kurikulum Program Pengajaran Siswazah
- 1.2.3 Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah
- 1.2.4 Sumber Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah
- 1.2.5 Infrastruktur, Peralatan dan Persekutaran Pasca Siswazah
- 1.2.6 Pentaksiran Pembelajaran Pasca Siswazah
- 1.2.7 Penilaian Pengajaran Pasca Siswazah
- 1.2.8 e-Pembelajaran Pasca Siswazah
- 1.2.9 Pengambilan Pelajar Siswazah
- 1.2.10 Pengurusan Penyelidikan Pelajar Pasca Siswazah
- 1.2.11 Pengajian Doktoral Industri
- 1.2.12 Syarat Kemasukan Khas - Bahasa Inggeris, Kesihatan
- 1.2.13 Program Luar (Pesisir/Khas)
- 1.2.14 Anugerah Akademik Pengajian Siswazah
- 1.2.15 Pengajian Doktoral Profesional
- 1.2.16 Penyeliaan Jarak Jauh
- 1.2.17 Pembelajaran Secara Terbuka dan Jarak Jauh
- 1.2.18 Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama
- 1.2.19 Pelaksanaan Program Sarjana dan Doktor Falsafah secara campuran

Pematuhan Polisi ini mungkin berbeza mengikut kesesuaian fakulti, bidang dan peringkat pengajian (kedoktoran, sarjana, diploma lepas ijazah dan sijil lepas ijazah).

1.3 DEFINISI

1.3.1 Staf Akademik

Staf Akademik merujuk kepada staf Universiti yang dilantik secara tetap, kontrak atau sambilan ke jawatan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan atau Pensyarah dan terlibat dengan pengajian siswazah.

1.3.2 Staf Akademik Siswazah

Staf Akademik Siswazah (*Graduate Faculty*) ertinya staf akademik yang mempunyai ijazah kedoktoran atau sekurang-kurangnya berjawatan Profesor Madya.

1.3.3 Pelajar Siswazah

Pelajar siswazah (*Postgraduate Student*) bermaksud mereka yang telah menyempurnakan pendaftaran program pengajian siswazah.

1.3.4 Program Pengajian Siswazah

Program Pengajian Siswazah bermaksud disiplin pengajian yang diikuti oleh pelajar siswazah untuk tujuan dianugerahkan sesuatu ijazah. Ia merupakan program yang distruktur atau direka bentuk bagi tempoh tertentu dengan kurikulum yang terancang supaya tercapai hasil program yang telah ditetapkan dan menjurus kepada penganugerahan sesuatu kelayakan.

1.3.5 Pengajian Sepenuh Masa

Pengajian Sepenuh Masa bermaksud pengajian siswazah dengan jumlah Jam Belajar Pelajar siswazah bagi satu semester tidak kurang daripada bilangan jam minimum yang ditetapkan. Semua pelajar siswazah UTM adalah merupakan pelajar sepenuh masa.

1.3.6 Kursus

Kursus bermaksud komponen kurikulum sesuatu program pengajian siswazah yang ditawarkan oleh Universiti. Setiap kursus mempunyai silibus dan kod tersendiri.

1.3.7 Kredit

Kredit merujuk kepada unit hasil program yang ditaksir dan diberi kepada pelajar yang mengikuti sesuatu kursus atau program pengajian siswazah dalam tempoh minimum yang ditetapkan. Satu kredit pengajian siswazah adalah setara dengan 40 Jam Belajar Pelajar. (Nota: Perlu penandaarasan dan perbandingan perlu dibuat dengan definisi Kredit di USA, UK, Australia, Eropah dan lain-lain).

1.3.8 Jaminan Kualiti Pengajian Siswazah

Jaminan Kualiti Pengajian Siswazah bermaksud usaha yang terancang dan sistematik untuk memastikan kualiti pengajian siswazah terpelihara, diselenggara, ditambah baik dan terjamin agar mendapat kepercayaan awam khususnya pihak yang berkepentingan.

1.3.9 Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah

Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah merujuk kepada pendekatan, amalan, dan aktiviti di dalam atau di luar kelas atau makmal yang berkaitan dengan sesuatu kursus dan/atau program pengajian siswazah. Istilah ini merangkumi pendekatan umum termasuk:

- i. Penyeliaan penyelidikan pelajar siswazah,
- ii. Pembelajaran dan pengajaran berpusatkan pelajar dan autentik seperti pembelajaran berdasarkan pengalaman (immersive experiential learning) ,
- iii. Pembelajaran dan pengajaran aktif dan berdasarkan teknologi,
- iv. Mod penyampaian seperti syarahan, tutorial dan amali,
- v. Metodologi serta aktiviti P&P melalui perbincangan, pembentangan dan sebagainya.
- vi. Mod koordinator antara pensyarah dan pelajar,
- vii. Penyampaian secara digital seperti penggunaan MOOC, OER etc.

- viii. Pembelajaran dan Pengajaran secara jarak jauh
- ix. e-Pembelajaran

Kaedah P&P juga termasuk aktiviti memberi panduan kepada pelajar siswazah di luar kelas dan lain-lain aktiviti berkaitan dengan pengendalian kurikulum program pengajian siswazah.

1.3.10 Pentaksiran Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah

Pentaksiran P&P pasca siswazah bermaksud suatu aktiviti atau proses pengumpulan dan penafsiran maklumat bersepada berkaitan dengan sesuatu kursus dan/atau program pengajian siswazah. Aktiviti atau proses ini dilaksanakan menggunakan pelbagai kaedah dan instrumen. Maklumat yang diperolehi digunakan untuk pelbagai tujuan formatif dan sumatif berkaitan program pengajian siswazah. Pentaksiran program pengajian siswazah melibatkan semua komponen penilaian seperti penyediaan ujian dan peperiksaan, kaedah pengukuran dan tatacara penilaian yang merujuk kepada pernyataan hasil program pengajian siswazah.

1.3.11 Penilaian Penyampaian Staf Akademik

Penilaian penyampaian staf akademik adalah suatu proses penilaian yang dibuat oleh pelajar siswazah bagi kursus yang diikuti untuk tujuan menentukan kualiti dan keberkesanan penyampaian oleh staf akademik. Penilaian ini dibuat bagi setiap kursus, melainkan kursus yang dikecualikan oleh Universiti, sekurang-kurangnya sekali setiap semester menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti.

1.3.12 e-Pembelajaran

e-Pembelajaran (*e-learning*) ialah penggunaan web dan lain-lain teknologi internet untuk meningkatkan pengalaman program pengajian siswazah.

1.3.13 Program Doktoral Industri

Program Doktoral Industri adalah satu mod pengajian kedoktoran. Ia adalah satu bentuk pengajian sepenuh masa pasca siswazah di mana calon mendaftar

sebagai pelajar sepenuh masa tetapi menjalankan penyelidikan di organisasi atau industri.

1.3.14 Penyeliaan Jarak Jauh

Penyeliaan jarak jauh adalah mod penyeliaan yang melibatkan pelajar tempatan dan antarabangsa yang melaksanakan penyelidikan di luar kampus UTM sama ada di dalam atau di luar negara.

1.3.15 Pembelajaran secara Terbuka dan Jarak Jauh

Pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh merujuk kepada peruntukan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan.

1.3.16 Program Dwi Ijazah

Program Dwi Ijazah bermaksud gabungan dua program pengajian daripada dua bidang yang berbeza yang melibatkan dua universiti sama ada di dalam atau luar negara. Program ini boleh ditawarkan di peringkat UTM yang melibatkan dua fakulti yang berbeza. Pelajar akan menerima dua ijazah yang berasingan selepas berjaya memenuhi semua syarat-syarat penganugerahan kedua-dua universiti.

1.3.17 Program Dual Ijazah

Program Dual Ijazah bermaksud gabungan dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan dua universiti yang berbeza sama ada di dalam atau luar negara. Pelajar akan menerima dua ijazah yang berasingan daripada universiti yang bekerjasama selepas berjaya memenuhi semua syarat-syarat penganugerahan kedua-dua universiti.

1.3.18 Program Ijazah Bersama

Program Ijazah Bersama bermaksud program pengajian yang dijalankan secara kerjasama di antara UTM dan sebuah universiti luar atau dalam negara yang membawa kepada satu skrol penganugerahan bersama yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua universiti.

1.3.19 Mod Campuran

Mod campuran bermaksud pengajian siswazah yang dilaksanakan secara gabungan kerja kursus dan penyelidikan. Penyelidikan lazimnya dilaksanakan setelah pelajar berjaya menyelesaikan semua komponen kerja kursus yang ditetapkan dalam kurikulum program pengajian.

1.4 KONTEKS PERUNDANGAN

Polisi ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia 2010 dan Statut.

| NAMA RUJUKAN | BAHAGIAN RUJUKAN |
|--|------------------|
| Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UTM | Seluruh dokumen |
| Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysia Quality Framework) | Seluruh dokumen |
| Garis Panduan Permohonan Program Akademik Edisi Kedua 2015 Kementerian Pendidikan Tinggi | Seluruh Dokumen |
| Dasar Pindah Kredit MQA | Seluruh dokumen |
| Polisi dan Prosidur TNE UTM | Seluruh dokumen |

SEKSYEN 2 - POLISI

2.1 PRINSIP

2.1.1 Prinsip umum Program Pengajian Siswazah (PPS) di UTM ialah:

2.1.1.1 Menyediakan program pengajian siswazah yang berkualiti bersesuaian dengan keperluan Negara dan globalisasi.

- 2.1.1.2 Memberi peluang kepada pelajar siswazah mengembangkan potensi diri dan mempertingkatkan penguasaan dan kepakaran ilmu dalam bidang yang mereka ikuti.
- 2.1.1.3 Menyediakan pengalaman program yang akan membolehkan graduan siswazah menjadi pemimpin dalam bidang pengajian siswazah yang diikuti.

2.1.2 Untuk mencapai matlamat di atas, Universiti adalah komited untuk:

- 2.1.2.1 Meningkatkan kecemerlangan setiap program pengajian siswazah yang ditawarkan melalui amalan jaminan kualiti yang ditetapkan.
- 2.1.2.2 Merancang dan melaksanakan aktiviti PPS berdasarkan hasil program yang dikenalpasti bersesuaian dengan bidang, di samping mengambil kira standard yang ditetapkan oleh agensi pengawal dan, jika berkaitan, badan professional yang berkenaan.
- 2.1.2.3 Menyediakan persekitaran yang kondusif terhadap rangsangan intelek (*intellectual stimulation*) dalam proses PPS.
- 2.1.2.4 Menyediakan nilai tambah untuk pelajar siswazah meningkatkan penguasaan kemahiran generik melalui pendekatan infusion dan diffusion merentasi keseluruhan aktiviti PPS seperti yang dijelaskan dalam Atribut Graduan Pasca Siswazah (UTM Post Graduate Attributes).
- 2.1.2.5 Mengiktiraf dan memenuhi keperluan program pengajian siswazah.
- 2.1.2.6 Mengiktiraf dan memenuhi keperluan peningkatan penguasaan dan kepakaran yang diperlukan oleh staf akademik siswazah dan juga staf sokongan PPS yang terlibat.

2.2 PENYATAAN POLISI

2.2.1 Amalan Jaminan Kualiti Pengajian Siswazah

- 2.2.1.1 Universiti mengenalpasti kecemerlangan P&P sebagai salah satu atribut utama dalam usaha menjadikan UTM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia.
- 2.2.1.2 Universiti adalah komited dalam merancang dan mengambil langkah yang sesuai dalam meningkatkan kualiti keberkesanan

P&P bagi setiap program pengajian siswazah yang ditawarkan seiring dengan garis panduan dan prosedur jaminan kualiti yang disediakan oleh Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Tinggi. Usaha ini perlu diterajui, dipantau dan diselaraskan secara berstruktur dan bersistem oleh Universiti.

- 2.2.1.3 Garis panduan mengenai amalan jaminan kualiti dijelaskan dalam Kod Amalan Jaminan Kualiti (rujuk KAPS-01).

2.2.2 Reka bentuk, Pembangunan dan Semakan Kurikulum Program Pengajian Siswazah

- 2.2.2.1 Universiti adalah komited untuk menyediakan program pengajian siswazah yang berkualiti, inovatif dan relevan dengan keperluan pembangunan negara dan globalisasi.
- 2.2.2.2 Untuk memastikan program pengajian siswazah yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan negara dan juga perkembangan semasa, Universiti juga mewajibkan kurikulum program pengajian siswazah disemak semula bagi setiap jangka waktu kitaran yang ditetapkan.
- 2.2.2.3 Garis panduan mengenai proses dan prosedur rekabentuk dan pembangunan kurikulum sesuatu program pengajian siswazah yang ditawarkan oleh Universiti dijelaskan dalam Kod Amalan Rekabentuk, Pembangunan dan Semakan Kurikulum Program Pengajian Siswazah (rujuk KAPS-02).

2.2.3 Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah

- 2.2.3.1 Universiti adalah komited dalam melahirkan graduan siswazah yang cekap, kreatif, berketrampkilan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Untuk mencapai matlamat tersebut Universiti menekankan kepentingan menggunakan kaedah P&P yang terkini, efektif dan terancang.
- 2.2.3.2 Universiti menetapkan supaya staf akademik siswazah dan pelajar siswazah mengamalkan kaedah P&P yang sesuai, efektif dan terancang berpandukan amalan pedagogi dan perkembangan falsafah program pengajian siswazah terkini.

- 2.2.3.3 Universiti juga menetapkan amalan P&P mestilah menggunakan pelbagai mod yang bersesuaian dengan peringkat pengajian; kaedah penyampaian konvensional berdasarkan syaran dan tutorial, perbincangan, amali dan kerja lapangan, penyelidikan, pembentangan dan program pengajian siswazah berdasarkan pengoptimuman penggunaan teknologi.
- 2.2.3.4 Matlamat utama penggunaan pelbagai pendekatan PPS di atas ialah untuk membantu dan memberi peluang kepada pelajar siswazah meningkatkan penguasaan ilmu dan kepakaran dalam bidang yang diikuti serta memperkembangkan potensi diri mereka untuk menjadi pemimpin dalam bidang yang diikuti.
- 2.2.3.5 Universiti amat menggalakkan P&P yang berpusatkan pelajar melalui amalan pelbagai model program pengajian siswazah seperti pembelajaran koperatif, pembelajaran berdasarkan masalah (*problem-based learning*), program pengajian siswazah yang luwes berdasarkan penggunaan teknologi serta lain-lain pendekatan yang sesuai dengan bidang pengajian yang diikuti.
- 2.2.3.6 Garis panduan mengenai kaedah P&P dijelaskan dalam Kod Amalan Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Siswazah (rujuk KAPS-03).

2.2.4 Sumber Pembelajaran dan Pengajaran Program Pasca Siswazah

- 2.2.4.1 Pembelajaran dan pengajaran merupakan agenda utama sesebuah universiti bertaraf dunia. Salah satu faktor utama yang membantu kejayaan sesuatu proses P&P di universiti ialah sumber P&P itu sendiri.
- 2.2.4.2 Universiti adalah komited untuk mempelbagaikan sumber P&P yang berkualiti, relevan dan terkini selari dengan keperluan P&P pasca siswazah.
- 2.2.4.3 Universiti juga komited untuk mempelbagaikan sumber dan kemudahan P&P agar segala keperluan program pengajian siswazah dapat dipenuhi.

- 2.2.4.4 Garis panduan mengenai sumber P&P dijelaskan dalam Kod Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Program Pasca Siswazah (rujuk KAPS-04).

2.2.5 Infrastruktur, Peralatan dan Persekutaran Pengajian Siswazah

- 2.2.5.1 Universiti adalah komited dalam menyediakan infrastruktur, peralatan dan persekitaran yang menghasilkan suasana program pengajian siswazah yang kondusif untuk meningkatkan kreativiti dan inovasi seiring dengan visi dan misinya.
- 2.2.5.2 Universiti adalah komited untuk sentiasa melengkapkan dan menaiktaraf infrastruktur dan peralatan program pengajian siswazah supaya selaras dengan perkembangan dan amalan program siswazah terkini.
- 2.2.5.3 Universiti juga komited dalam menyediakan infrastruktur dan persekitaran sokongan yang membantu meningkatkan keberkesanan proses PPS meliputi kemudahan aktiviti sokongan akademik, tempat tinggal yang kondusif, kemudahan sukan dan riadah serta lain-lain kemudahan sokongan.
- 2.2.5.4 Garis panduan mengenai infrastruktur, peralatan dan persekitaran PPS dijelaskan dalam Kod Amalan Infrastruktur, Peralatan dan Persekutaran Pengajian Siswazah (rujuk KAPS-05).

2.2.6 Pentaksiran Pembelajaran Pasca Siswazah

- 2.2.6.1 Pentaksiran merupakan salah satu aktiviti penting dalam proses P&P. Ianya dilakukan menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan, sementara maklumat yang diperolehi pula digunakan untuk pelbagai tujuan.
- 2.2.6.2 Universiti adalah komited dalam merancang, melaksana, mengurus, mengawal dan memantau pentaksiran program pengajian siswazah supaya ianya dilaksanakan secara adil dan berkesan.
- 2.2.6.3 Pentaksiran program pengajian siswazah melibatkan aktiviti atau proses pengumpulan dan penafsiran maklumat bersepadan berkaitan hasil program pengajian siswazah. Pentaksiran ini

dilaksanakan menggunakan pelbagai kaedah dan instrumen. Maklumat yang diperolehi digunakan untuk pelbagai tujuan formatif dan sumatif berkaitan hasil program pengajian siswazah. Antara tujuan pentaksiran program pengajian siswazah ialah untuk:

- i. Menentukan pencapaian P&P seseorang pelajar siswazah,
- ii. Mengelas dan menentukan kedudukan pencapaian hasil, kaedah pelaksanaan dan kurikulum program pengajian siswazah yang diikuti.
- iii. Mengumpul maklumat mengenai pencapaian hasil, kaedah perlaksanaan dan kurikulum program pengajian siswazah yang diikuti.

2.2.6.4 Maklumat yang diperolehi dari proses pentaksiran program pengajian siswazah lazimnya digunakan untuk:

- i. Menentukan prestasi individu pelajar siswazah dalam pembelajaran,
- ii. Menentukan pencapaian prestasi relatif pelajar siswazah dalam pembelajaran,
- iii. Menentukan prestasi keseluruhan seseorang individu atau kumpulan pelajar siswazah,
- iv. Menentukan keberkesanan dan/atau kesesuaian kaedah dan pendekatan P&P yang digunakan serta kurikulum sesuatu program pengajian siswazah yang ditawarkan,
- v. Merancang dan melaksanakan langkah pemberian yang diperlukan ke atas kaedah dan pendekatan P&P serta kurikulum sesuatu program yang ditawarkan.

2.2.6.5 Universiti adalah komited dalam melatih staf akademik siswazah meningkatkan kepakaran yang diperlukan bagi tujuan perancangan, perlaksanaan dan pengurusan pentaksiran program pengajian siswazah yang adil dan berkesan mengikut garis panduan dan prosedur yang ditetapkan.

2.2.6.6 Garis panduan mengenai kaedah, proses, penggredan dan pemarkahan pentaksiran dalam PPS dijelaskan dalam Kod Amalan Pentaksiran Pembelajaran Pasca Siswazah (rujuk KAPS-06).

2.2.7 Penilaian Pengajaran Pasca Siswazah

- 2.2.7.1 Universiti adalah komited dalam menambahbaik P&P melalui aktiviti Penilaian Pengajaran Pengajaran Staf Akademik Siswazah yang dijalankan secara menyeluruh dalam kalangan semua staf akademik siswazah yang terlibat dengan proses penggandalian program (melainkan bagi kes yang dikecualikan oleh Universiti).
- 2.2.7.2 Penilaian Pengajaran Staf Akademik Siswazah bertujuan untuk mengumpul maklumat secara sistematik dan berterusan bagi:
- i. memperbaiki penyampaian dan seterusnya program pengajian siswazah.
 - ii. menggalakkan staf akademik siswazah untuk terlibat dalam kesarjanaan pengajaran (*teaching scholarship*) melalui amalan refleksi terhadap maklum balas penilaian penyampaian mereka.
 - iii. kompilasi maklumat dalam Portfolio Pengajaran individu.
 - iv. proses pengurusan kenaikan pangkat staf pengajian siswazah.
- 2.2.7.3 Penilaian Penyampaian Staf Akademik Siswazah juga direka bentuk, dibangunkan dan dilaksanakan berasaskan keperluan dan garis panduan yang dijelaskan dalam Amalan Jaminan Kualiti, Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.
- 2.2.7.4 Garis panduan mengenai Penilaian Pengajaran Pensyarah dijelaskan dalam Kod Amalan Penilaian Pengajaran Pensyarah (rujuk KAPS-07).

2.2.8 E-Pembelajaran

- 2.2.8.1 Universiti adalah komited dalam menyediakan program pengajian siswazah yang luwes dengan mengambilkira kepelbagaiannya kecenderungan gaya pembelajaran pengajian siswazah (*graduate studies learning style preferences*) pelajar siswazah. e-Pembelajaran direka bentuk dan dibangunkan untuk menyediakan suatu persekitaran pembelajaran dan latihan tambahan/sokongan untuk mengoptimumkan hasil program pengajian siswazah tersebut.
- 2.2.8.2 Universiti juga komited dalam merancang, membangun dan mengaplikasikan e-pembelajaran sebagai satu pendekatan tambahan/sampingan dalam P&P yang membantu mempertingkatkan keberkesanan proses P&P di Universiti ini.
- 2.2.8.3 Universiti amat menggalakkan amalan program pengajian siswazah tambahan/sampingan berdasarkan e-pembelajaran di kalangan staf akademik dan pelajar siswazahnya. Bagaimanapun, amalan ini bukanlah suatu kewajipan yang perlu diamalkan dan ianya tidak boleh digunakan untuk menggantikan P&P konvensional yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 2.2.8.4 Universiti telah menyediakan satu kod amalan untuk menggalakkan serta mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan penggunaan e-pembelajaran.
- 2.2.8.5 Garis panduan mengenai e-pembelajaran dijelaskan dalam Kod Amalan e-pembelajaran pasca Siswazah (rujuk KAPS-08).

2.2.9 Pengambilan Pelajar Pasca Siswazah

- 2.2.9.1 Universiti telah menyediakan satu garispanduan penilaian syarat kemasukan pelajar ke program pasca siswazah di UTM bagi memastikan kualiti pelajar yang diambil menepati keperluan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran serta Standard Program oleh Agensi Kelayakan Malaysia.
- 2.2.9.2 Universiti menggalakkan pengambilan pelajar menerusi saluran yang fleksibel seperti menerusi Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL(A)) dan juga

pensetaraan kelayakan dari institusi global menerusi pangkalan data UK-NARIC.

- 2.2.9.3 Bagi memastikan pengambilan pelajar pasca siswazah seragam dan terkawal kualitinya, proses pengambilan adalah berpusat di Bahagian Rekrutmen dan Kemasukan Pelajar (SRAD), UTM.
- 2.2.9.4 Garis panduan mengenai pengambilan pelajar pasca siswazah dijelaskan dalam Kod Amalan Pengambilan pelajar pasca Siswazah (rujuk KAPS-09).

2.2.10 Penyelidikan Pasca Siswazah

- 2.2.10.1 UTM komited dalam menyediakan program pengajian pasca siswazah termasuk program ijazah sarjana dan kedoktoran secara penyelidikan yang berkualiti, kreatif dan relevan seiring dengan visi dan misi Universiti dalam mendukung dasar pembangunan negara.
- 2.2.10.2 Universiti adalah komited dalam memastikan proses pengurusan pelajar penyelidikan pasca siswazah di UTM ditadbir urus dengan sistematik berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
- 2.2.10.3 Universiti komited dalam memastikan perlaksanaan dan pentadbiran program akademik pasca siswazah secara penyelidikan yang ditawarkan ditadbir urus dengan sebaiknya untuk kebaikan semua pihak yang berkepentingan. Pentadbiran ini meliputi pengurusan pasca siswazah secara penyelidikan dalam urusan perlantikan penyelia, penilaian, peperiksaan dan perakuan kelulusan siswazah yang mengikuti pengajian secara menjalankan penyelidikan.
- 2.2.10.4 Garis panduan mengenai pengurusan penyelidikan pelajar pasca siswazah dijelaskan dalam Kod Amalan Penyelidikan pasca Siswazah (rujuk KAPS-10).

2.2.11 Doktoral Industri

- 2.2.11.1 Universiti komited dalam menawarkan pengajian pasca siswazah yang dapat meningkatkan agenda kolaborasi Universiti-Industri selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM - PT) iaitu pengajian Doktoral Industri.
- 2.2.11.2 Perlaksanaan pengajian doktoral industri menyediakan satu alternatif kepada program Ph.D konvensional sedia ada di mana penyelidik memberi tumpuan kepada penyelidikan berdasarkan kepada aspek-aspek penyelesaian masalah industri secara terus di tempat kerja. Tujuannya untuk menyelesaikan masalah industri dan organisasi menerusi inovasi melalui penyelidikan bagi meningkatkan daya saing industri..
- 2.2.11.3 Garis panduan mengenai pengurusan program kedoktoran industri dijelaskan dalam Kod Amalan Program Kedoktoran Industri (rujuk KAPS-11).

2.2.12 Syarat Kemasukan Khas, Bahasa Inggeris dan Kesihatan

- 2.2.12.1 Universiti komited bagi memastikan pelajar antarabangsa yang diambil untuk mendaftar ke program pasca siswazah mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris dan tahap kesihatan pelajar di tahap minimum bagi memastikan pelajar boleh mengikuti pengajian sebagai seorang pelajar yang aktif.
- 2.2.12.2 Syarat kemasukan khas yang merangkumi syarat minimum Bahasa Inggeris dan tahap kesihatan pelajar telah diadakan bagi tujuan rujukan seragam oleh pihak SRAD, SPS dan fakulti.
- 2.2.12.3 Garis panduan mengenai syarat kemasukan khas dijelaskan dalam Kod Amalan Syarat Kemasukan Khas, Bahasa Inggeris dan Kesihatan (rujuk KAPS-12).

2.2.13 Program Luar (Pesisir/Khas) Pasca Siswazah

- 2.2.13.1 Universiti komited dalam menawarkan program pengajian pasca siswazah yang berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat menerusi program luar kampus iaitu Pesisir dan program Khas.

- 2.2.13.2 Pengajian Siswazah secara Program Luar (Pesisir/ Khas) diadakan bagi memberi peluang kepada golongan yang bekerja meningkatkan kelulusan profesional mereka. Ini selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menambahkan bilangan pelajar pasca siswazah peringkat Sarjana dan Kedoktoran dalam kalangan warganegara Malaysia.
- 2.2.13.3 Universiti sentiasa komited untuk meningkatkan kualiti pengurusan pelaksanaan Program Luar dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan.
- 2.2.13.4 Garis panduan mengenai pengurusan program luar kampus dijelaskan dalam Kod Amalan Program Luar (Pesisir/Khas) Pasca Siswazah (rujuk KAPS-13).

2.2.14 Hadiah Akademik Pengajian Siswazah

- 2.2.14.1 Universiti komited dalam menyediakan ruang bagi mengiktiraf kecemerlangan pelajar dalam pengajian pasca siswazah di UTM.
- 2.2.14.2 Kecemerlangan pelajar dalam pengajian dinilai berdasarkan kriteria umum dan khusus yang telah diluluskan oleh Senat UTM bagi memastikan penilaian secara telus dan adil dapat dilaksanakan.
- 2.2.14.3 Penyelia dan Fakulti dilibatkan dalam proses pemberian markah dan sokongan permohonan menerusi mesyuarat di peringkat universiti yang diuruskan oleh Sekolah Pengajian Siswazah dan Bahagian Pengurusan Akademik.
- 2.2.14.4 Garis panduan mengenai pengurusan pencalonan dan pemenang hadiah akademik dijelaskan dalam Kod Amalan Hadiah Akademik Pengajian Siswazah (rujuk KAPS-14).

2.2.15 Pengajian Doktoral Profesional

- 2.2.15.1 Universiti komited dalam menawarkan program ijazah kedoktoran yang pelbagai untuk golongan professional menerusi program Doktoral Profesional.
- 2.2.15.2 Doktoral Profesional adalah program pengajian di peringkat doktoral yang memfokuskan kepada aplikasi dan implementasi pengetahuan dan teori sedia ada bagi

menyelesaikan/menambahbaik masalah yang berkaitan dengan profesi calon.

- 2.2.15.3 Garis panduan mengenai program pengajian secara doktoral profesional dijelaskan dalam Kod Amalan Pengajian Doktoral Profesional (KAPS -15)

2.2.16 Penyeliaan Jarak Jauh

- 2.2.16.1 UTM komited dalam menyediakan program pengajian pasca siswazah secara penyelidikan sepenuhnya yang fleksibel menerusi penyeliaan penyelidikan secara jarak jauh.
- 2.2.16.2 Dokumen ini menerangkan peranan dan tanggungjawab pelajar, penyelia, fakulti dan pihak universiti yang terlibat dalam penyeliaan jarak jauh di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.
- 2.2.16.3 Mod penyeliaan jarak jauh direka untuk pelajar yang telah mendaftar dan akan melaksanakan penyelidikan di luar kampus UTM samada di dalam atau di luar negara.
- 2.2.16.4 Garis panduan mengenai program pengajian penyelidikan sepenuhnya secara jarak jauh dijelaskan dalam Kod Amalan Penyeliaan Jarak Jauh (KAPS – 16)

2.2.17 Program Pengajian Secara Terbuka dan Jarak Jauh Pasca Siswazah

- 2.2.17.1 Universiti komited menyediakan peluang pembelajaran yang fleksibel kepada semua tanpa mengira kekangan geografi dan lokasi pelajar.
- 2.2.17.2 Universiti berusaha untuk menawarkan program pasca siswazah secara terbuka dan jarak jauh bagi memenuhi keperluan individu yang bekerja dan golongan profesional yang ingin menyambung pengajian di UTM.
- 2.2.17.3 Kod Amalan Program Pasca Siswazah secara Terbuka dan Jarak Jauh disediakan untuk memberi garis panduan kepada fakulti dalam melaksanakan program pascasiswazah secara terbuka dan jarak jauh di UTM.

2.2.17.4 Garis panduan mengenai program pengajian secara terbuka dan jarak jauh dijelaskan dalam Kod Amalan Progam Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh Pasca Siswazah (KAPS -17)

2.2.18 Program Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama

- 2.2.18.2 Universiti komited dalam inisiatif pengantarabangsaan program pengajian pasca siswazah menerusi penawaran program dwi, dual ijazah dan ijazah bersama.
- 2.2.18.3 Selaras dengan aspirasi pengantarabangsaan, pihak universiti amat menggalakkan Fakulti/Sekolah/Akademi untuk melaksanakan program pendidikan transnational bagi menjadikan UTM setanding dengan universiti ternama lain.
- 2.2.18.4 Polisi ini bertujuan untuk mewujudkan garis panduan bagi pembangunan, pelaksanaan dan pengurusan program dwi ijazah (double degree), dual ijazah (dual degree) dan ijazah bersama (joint degree) diperingkat pasca-ijazah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- 2.2.18.5 Polisi ini boleh dijadikan panduan oleh pentadbir akademik dan kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan di peringkat Fakulti/Sekolah/Akademi dan universiti dalam perlaksanaan program-program ini.
- 2.2.18.6 Garis panduan mengenai program dwi, dual ijazah dan ijazah bersama dijelaskan dalam Kod Amalan Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama (KAPS – 18)

2.2.19 Pelaksanaan Program Sarjana dan Doktor Falsafah secara mod campuran

- 2.2.19.2 Universiti komited dalam memastikan program pasca siswazah yang ditawarkan adalah dipelbagaikan mod yang mana ianya akan memudahkan pelajar memilih mod yang bersesuaian dalam menjalankan pengajian mereka.
- 2.2.19.3 Kod amalan ini bertujuan menyelaras perlaksanaan program mod campuran di Universiti Teknologi Malaysia.

- 2.2.19.4 Panduan ini terpakai untuk semua program Sarjana dan Doktor Falsafah secara mod campuran di Universiti Teknologi Malaysia.
- 2.2.19.5 Garis panduan mengenai pelaksanaan program sarjana dan Doktor Falsafah secara mod campuran dijelaskan dalam Kod Amalan Pelaksanaan Program Sarjana dan Falsafah secara campuran (KAPS – 19).

SEKSYEN 3 – PROSEDUR

3.1 TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab melaksanakan polisi ini meliputi pihak yang berikut:

3.1.1 Fakulti

- i. Fakulti perlu menubuhkan Jawatankuasa Akademik Fakulti (JKA) bagi memastikan polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah dilaksanakan di peringkat fakulti.
- ii. JKA perlulah bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 bulan sekali untuk melihat perkara-perkara akademik berkaitan pengajian siswazah di fakulti masing-masing.

3.1.2 Sekolah Pengajian Siswazah

- i. Bertanggungjawab dalam penyediaan dokumen polisi dan memantau perlaksanaan polisi bagi kesemua program pengajian siswazah di UTM.
- ii. Membantu universiti dalam memastikan program pengajian pasca siswazah di UTM adalah mematuhi polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah.

3.1.3 Jawatankuasa Tetap Senat (Peperiksaan dan Pengijazahan)

- i. Bertanggungjawab untuk memastikan fakulti mematuhi polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah dari aspek peperiksaan dan pengijazahan.

- ii. Bertanggungjawab menyemak dokumen graduan pelajar siswazah dan menyokong untuk dibawa ke mesyuarat Senat UTM.
- iii. Bertanggungjawab dalam mengambil sebarang tindakan kepada JKA fakulti bagi sebarang proses kerja berkaitan peperiksaan dan pengijazahan yang tidak mematuhi polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah.

3.1.4 Jawatankuasa Tetap Senat (Kurikulum dan Kualiti Akademik)

- i. Bertanggungjawab untuk memastikan fakulti mematuhi polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah dari aspek kurikulum dan kualiti program akademik.
- ii. Bertanggungjawab menyemak kurikulum dan kualiti akademik program siswazah dan menyokong untuk dibawa ke mesyuarat Senat UTM.
- iii. Bertanggungjawab dalam mengambil sebarang tindakan kepada JKA fakulti bagi sebarang proses kerja berkaitan kurikulum dan kualiti akademik program yang tidak mematuhi polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah.

3.1.5 Jawatankuasa Tetap Senat (Dasar dan Entiti Akademik)

- i. Bertanggungjawab untuk memastikan fakulti mematuhi polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah dari aspek dasar dan prosidur.
- ii. Bertanggungjawab menyemak sebarang dasar dan peraturan akademik program siswazah dan menyokong untuk dibawa ke mesyuarat Senat UTM.
- iii. Bertanggungjawab dalam mengambil sebarang tindakan kepada JKA fakulti bagi sebarang proses kerja berkaitan dasar dan peraturan akademik program yang tidak mematuhi polisi Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah.

SEKSYEN 4 – DOKUMEN YANG BERKAITAN

Dokumen berikut adalah berkaitan dengan Polisi dan Kod Amalan P&P Pasca Siswazah ini:

- i. Kod Amalan Jaminan Kualiti Pasca Siswazah (KAPS-01)
- ii. Kod Amalan Pembangunan, Rekabentuk dan Semakan Kurikulum Program Pasca Siswazah (KAPS-02)
- iii. Kod Amalan Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah (KAPS-03)
- iv. Kod Amalan Sumber Pembelajaran dan Pengajaran Pasca Siswazah (KAPS-04)
- v. Kod Amalan Infrastruktur, Peralatan dan Persekutaran Pasca Siswazah (KAPS-05)
- vi. Kod Amalan Pentaksiran Pembelajaran Pasca Siswazah (KAPS-06)
- vii. Kod Amalan Penilaian Pengajaran Pasca Siswazah (KAPS-07)
- viii. Kod Amalan e-Pembelajaran Pasca Siswazah (KAPS-08)
- ix. Kod Amalan Pengambilan Pelajar Siswazah (KAPS-09)
- x. Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah (KAPS-10)
- xi. Kod Amalan Pengajian Doktoral Industri (KAPS-11)
- xii. Kod Amalan Syarat Kemasukan Khas - Bahasa Inggeris, Kesihatan (KAPS-12)
- xiii. Kod Amalan Program Luar (Pesisir/Khas) (KAPS-13)
- xiv. Kod Amalan Anugerah Akademik Pengajian Siswazah (KAPS-14)
- xv. Kod Amalan Pengajian Doktoral Profesional (KAPS -15)
- xvi. Kod Amalan Penyeliaan Jarak Jauh (KAPS – 16)
- xvii. Kod Amalan Progam Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh Pasca Siswazah (KAPS -17)
- xviii. Kod Amalan Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama (KAPS – 18)
- xix. Kod Amalan Pelaksanaan Program Sarjana dan Doktor Falsafah secara campuran (KAPS – 19)
- xx. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah
- xxi. Atribut Graduan Siswazah UTM (UTM Post Graduate Attributes)

- xxii. Kod Etika Staf
- xxiii. Buku Panduan Pengajian Siswazah Fakulti
- xxiv. Manual e-Thesis
- xxv. Panduan Menulis Tesis
- xxvi. Garis Panduan Projek Sarjana
- xxvii. Kalendar Akademik pengajian Siswazah
- xxviii. Lain-lain dokumen yang berkaitan terbitan Fakulti/Unit berkenaan

SEKSYEN 5 – TADBIR URUS

5.1 TANGGUNGJAWAB

| | |
|------------------------|----------------------------------|
| Pengurus Polisi | Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) |
|------------------------|----------------------------------|

5.2 KAWALAN VERSI AND KRONOLOGI PERUBAHAN

| Nombor Versi | Tarikh diluluskan | Diluluskan oleh | Pindaan |
|---------------------|--------------------------|------------------------|--|
| 1.0 | 2 Ogos 2012 | Senat UTM | |
| 2.0 | 21 Mac 2018 | Senat UTM | Kemaskini entiti serta bidang tugas setiap JKTS di UTM selari dengan transformasi yang berlaku di UTM. |